

e-ABATA: Meningkatkan Kemahiran Mengenal Huruf Hijaiyah Berbaris Atas Dalam Kalangamn Murid Tahun 1

Azharuddin Bin Sabirin
Noor Hasimah Binti Sabirin
Irwan Firdaos Bin Abdul Muis
Muhammad Hafizuddin Bin Sabirin

SK Ulu Dusun, Sandakan
SK Batu 16 Gum-Gum Sandakan
Mahad Tahfiz Wal Qiraah,
Kota Kinabalu Sabah

Email: Azharuddinsabirin@gmail.com

Abstrak

Kelemahan ketara dihadapi oleh murid yang lemah dalam menguasai kemahiran membaca Al Quran adalah disebabkan tidak mengenal huruf serta bunyi huruf hijaiyah. Inovasi ini dijalankan bertujuan meningkatkan penguasaan Al Quran dalam kalangan murid-murid yang masih lemah disebabkan tidak mengenal dan mengingat huruf-huruf hijaiyah. Inovasi ini melibatkan seramai 15 orang murid tahun 1 dari SK Ulu Dusun, Sandakan, Sabah. Tinjauan awal telah dilaksanakan melalui ujian pra, tasmik, temubual tidak terancang dan juga pemerhatian. Hasil tinjauan mendapati murid tidak dapat mengenal 28 huruf hijaiyah dengan berkesan seterusnya menyukarkan mereka untuk menguasai kemahiran membaca Al Quran. Bagi menangani masalah yang dihadapi, Utrujah Team telah memperkenalkan e-ABATA iaitu aplikasi interaktif huruf-huruf hijaiyah yang digunakan oleh murid-murid tahun 1 sekolah rendah kebangsaan. Penggunaan aplikasi ini selaras dengan elemen merentas kurikulum, penerapan elemen Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta elemen didik hibur dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Penggunaan aplikasi e-ABATA juga dapat melahirkan murid Celik IT selaras dengan teras utama Pendidikan KPM iaitu peningkatan keupayaan pendidikan digital di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan e-ABATA ini telah meningkatkan prestasi dalam kalangan murid melalui dapatan data ujian pos, semakan semasa tasmik dan juga pemerhatian. Penggunaan e-ABATA telah memberi impak yang positif dan pembelajaran yang bermakna kepada murid. Penggunaan e-ABATA ini boleh digunakan oleh semua murid di sekolah rendah kebangsaan dalam pengajaran dan pembelajaran Quran kerana ianya merupakan asas kepada matapelajaran Al-Quran. Selain itu, aplikasi e-ABATA yang interaktif sangat membantu menarik minat murid untuk belajar mengenali huruf-huruf hijaiyah dengan tekun.

Kata Kunci: e-ABATA, Pendidikan Digital, Interaktif, Didik Hibur.



KUMPULAN UTRUJJAH I-TEAM



E - ABATA

SINOPSIS

Alat inovasi ini dihasilkan oleh Utrujjah i-Team. Dengan penggunaan aplikasi e-ABATA ini guru-guru dapat membantu murid yang mempunyai masalah mengenal dan mengingat huruf hijayah berbaris fathah dalam kemahiran DSKP dan tasmik. Diharap dengan penggunaan inovasi interaktif ini murid lebih bermotivasi dan dapat belajar dengan lebih efektif demi melahirkan generasi madani yang celik Al Quran.

ISU YANG DITANGAN

- Murid**
- 1.Responden mengalami masalah mengenal huruf hijaiyah berbaris fathah.
 - 2.Kurang berminat dengan aktiviti pembelajaran
- Guru**
- 1.BBM kurang menarik
 - 2.Masalah peningkatan kemahiran seterusnya dalam DSKP boleh mengakibatkan kecaciran

KUMPULAN SASARAN

Bilangan murid **10**
 5 Murid Lelaki
 5 Murid Perempuan

BAHAN INOVASI



PERBELANJAAN

Harga kos

BIL.	PERKARA	KUANTITI	KOS
01	Program	1 unit	RM 10.00
02	Utusan Hah Cipta	1 unit	RM 115.00
Jumlah			RM 125.00

Harga jualan DVD Installer

BIL.	PERKARA	KOS	
01	Harga Model/CD + Casing	RM 5.00	
02	Harga Jual	RM10.00	
UNTUNG JUAL SEUNIT			RM5.00

Harga jualan bentuk software

BIL.	PERKARA	KOS	
01	Harga Model	RM 0.00	
02	Harga Jual	RM 10.00	
UNTUNG JUAL SEUNIT			RM 10.00

OBJEKTIF


- 1.Menarik minat murid dalam pembelajaran asas Al Quran secara interaktif
- 2.Mengenalpasti keberkesanan kaedah interaktif e-ABATA dapat meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran asas Al Quran

KEBERKESANAN

- 1.Pengurangn kos operasi
- 2.Peningkatan output
- 3.Penjimatan masa

Sebanyak 90% murid berjaya menunjukkan peningkatandalam menguasai 28 huruf hijaiyah berbaris fathah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun1

MENGUASAI BIL.HURUF	(UJIAN PRA) MEI	(UJIAN POST) OGOS
5 Huruf	5	0
10 Huruf	3	0
15 Huruf	1	0
20 Huruf	1	1
25 Huruf	0	5
28 Huruf	0	4



PENUTUP

Kesimpulannya, projek inovasi e-ABATA ini selaras dengan teras utama pendidikan KPM iaitu peningkatan keupayaan pendidikan digital di sekolah. Projek in juga memberi penekanan yang saksama kepada nilai dan inovasi dalam mencipta penambahbaikan, peluang baharu atau bagi mengatasi isu/masalah. Projek ini ternyata dapat menjimatkan kos dan meningkatkan nilai kepenggunaan dan dapat dilaksanakan dengan kadar yang cepat dan munasabah.

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR